

26 OCT 2001

Media

MEDIA MULAI YAKIN DENGAN KEPIMPINAN NEGARA, KATA ZAINUDDIN

PULAU PINANG, 26 Okt (Bernama) -- Media dalam dan luar negara mulai yakin dengan kepimpinan Malaysia selepas berlakunya serangan penganas terhadap Amerika Syarikat 11 Sept lalu, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata peristiwa 11 Sept itu telah menyedarkan orang ramai dan media tentang kebenaran dasar-dasar yang dijalankan kepimpinan negara termasuk dasar ekonomi dan keselamatan.

Keyakinan terhadap kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dapat dilihat melalui sokongan rakyat terhadap Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), perubahan sikap media asing sendiri dan kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya Sarawak baru-baru ini, katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan kakitangan agensi Kementerian Penerangan di sini hari ini.

Kira-kira 100 kakitangan yang terdiri daripada Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran, Jabatan Hal Ehwal Khas dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) hadir pada majlis itu.

Zainuddin berkata media asing kini turut mengakui corak kepimpinan Dr Mahathir yang telah berjaya menjadikan Malaysia sebagai negara Islam yang sederhana dalam masa yang cukup singkat.

Katanya negara ini juga dilihat sebagai negara yang berjaya mengamalkan demokrasi yang mempunyai rakyat berbilang bangsa dalam keadaan stabil dan maju.

Zainuddin berkata pengiktirafan media asing itu jelas dapat dilihat melalui laporan dan berita yang dikeluarkan mereka mengenai kemajuan yang dikecapi negara.

Selain itu, kejayaan Malaysia mengatasi masalah kegawatan ekonomi tanpa terikat atau bergantung kepada Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), membuktikan kepimpinan negara tidak menyalahgunakan kuasa pemerintahan.

Oleh itu rakyat Malaysia sendiri perlu menaruh keyakinan dan turut membantu menghadapi sebarang keadaan yang dihadapi negara, katanya.

-- BERNAMA

NER RON